

>> BISNES > > Top Glove tawar 9,000 kerja untuk rakyat Malaysia

Top Glove tawar 9,000 kerja untuk rakyat Malaysia

|| 22 Januari 2021



Top Glove Corporation Bhd menawarkan sebanyak 9,000 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan sepanjang 2021 bagi membantu menangani pengangguran di negara ini.

A⁻ A⁺

KUALA LUMPUR - Top Glove Corporation Bhd menawarkan sebanyak 9,000 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan sepanjang 2021 bagi membantu menangani pengangguran di negara ini.

Dalam kenyataan pada Jumaat, syarikat tersebut berharap dapat mencapai sasaran tersebut menerusi kempen pengambilan pekerja selama setahun yang dimulakan dengan Pameran Kerjaya Top Glove Secara Maya, esok (23 Januari).

"Program itu bertujuan menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang baru tamat pengajian universiti, institusi vokasional selain pekerja am di Malaysia.

"Ini membabitkan masing-masing sebanyak 4,000 jawatan untuk pekerja tempatan; 2,300 jawatan untuk lulusan baharu universiti dan vokasional teknologi; 2,000 pelatih latihan industri dan pelatih serta 700 pekerja yang berpengalaman," katanya.

Menurut Pengarah Urusan Top Glove, Datuk Lee Kim Meow, program tersebut diharap dapat membantu mereka yang sedang mencari kerja untuk mendapatkan kerjaya yang memberi manfaat.

"Kami juga berbangga dapat membantu serta menyokong rakyat Malaysia dengan menawarkan pekerjaan ini yang turut menjadi antara usaha penting bagi membolehkan ekonomi dan sosial negara kembali pulih daripada pandemik ini," katanya. - Bernama

Pemandu teksi pulang tangan kosong, terjejas akibat PKP ✕

Top Glove kerja

TERKINI | POPULAR

- 1 Pemandu teksi pulang tangan kosong, terjejas akibat PKP
- 2 Covid-19: Tiga lelaki Malaysia antara 17 kes import di...
- 3 Doktor cedera digigit harimau
- 4 Polis cari waris mayat mangsa lemas bertatu 'love'
- 5 Ringgit dibuka mengukuh susulan kenaikan harga minyak

Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:

<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>

Apakah reaksi anda?

1 vote



Gembira



Biasa Jer



Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



Komen

Artikel Berkaitan



Top Glove selar TV Kanada keluar laporan mengelirukan

KUALA LUMPUR - Top Glove Corp Bhd menafikan laporan Canadian Broadcasting Corporation (CBC) baru-baru ini mengenai kebijakan pekerjanya, menyifatkan...



Empat fasiliti Top Glove terkesan akibat Covid-19

SHAH ALAM - Top Glove Corporation Berhad (Top Glove) mengenal pasti empat fasilitinya terkesan akibat Covid-19 iaitu di Port Dickson; Negeri Sembilan,...



Top Glove catat untung bersih tertinggi

TOP Glove Corporation Bhd sekali lagi mencatatkan prestasi kewangan bersejarah apabila keuntungan bersihnya mencecah paras tertinggi bagi suku pertama...



Covid-19: Saham Top Glove Corp Bhd merosot

KUALA LUMPUR - Saham Top Glove Corp Bhd merosot mendadak berikutan berita mengenai 28 kilangnya akan ditutup secara berperingkat untuk membuat...



PKS layak mohon pembiayaan modal kerja sehingga RM500,000

SHAH ALAM - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang layak boleh mendapatkan pembiayaan bagi tujuan modal kerja sehingga RM500,000 untuk tempoh...